

**Transkrip Ruang Bicara Khas Bernama TV Bersama Perdana Menteri  
Bernama  
May 10, 2014**

PUTRAJAYA, 10 Mei (Bernama) -- Berikut ialah transkrip penuh Ruang Bicara Khas Bernama TV Bersama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Perdana menteri ditemu ramah selama sejam oleh Ketua Pengarang Bernama Datuk Zulkefli Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Bernama TV Datuk Ibrahim Yahaya dan Penolong Pengarang Jamaluddin Muhammad sempena ulang tahun Umno ke-68.

Rancangan Ruang Bicara Khas ini akan disiarkan melalui saluran Astro 502 pada 9 malam Sabtu.

**UMNO**

Soalan: Datuk Seri, soalan pertama saya adalah Umno akan merayakan ulang tahun ke-68 pada 11 Mei ini. Kalau Umno itu manusia, pada usia sebegitu ia dikatakan sudah berumur, kurang tenaga, kurang aktif, dan mungkin semangatnya sudah luntur. Bagaimana Datuk Seri melihat Umno pada usia sebegitu?

Najib: Umno masih parti yang berwibawa. Hakikatnya dalam pilihan raya lalu, kita telah berjaya menambah bilangan kerusi. Ini menunjukkan apa pun yang diperkatakan, Umno masih merupakan parti yang terkuat di tanah air.

Ini menunjukkan bahawa perkembangan sebuah parti yang sudah pun usianya mencecah 68 tahun tapi tidak bererti ia semakin lemah atau kurang bertenaga. Namun saya akui (sebagai) sebuah parti, kita mesti lalui transformasi. Kita mesti hadapi cabaran untuk terus jadikan Umno sebagai parti yang relevan pada setiap zaman.

Soalan: Berubah atau rebah. Saya ingat lagi kata-kata Datuk Seri apabila Datuk Seri mengambil alih teraju (kepimpinan parti). Tapi masih ada suara-suara sumbang yang mengatakan mereka tidak lihat perubahan ketara dalam Umno. Mungkin perubahan itu tidak dapat dilihat secara tangible (nyata), mungkin

secara sikap dan minda ada perubahan Datuk Seri lihat?

Najib: Saya lihat daripada beberapa aspek. Pertama dari segi Umno, dasar-dasar yang ditunjangi Umno melalui kerajaan; dasar-dasar ini kita dapat lihat umpamanya Umno menyokong dasar transformasi negara, Umno menyokong konsep 1Malaysia dan Umno juga menyokong segala inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan.

Dari segi Umno itu sendiri, kita telah lakukan perubahan dan pembaharuan di mana kali pertama dalam sejarah parti kita, kita telah dapat melaksanakan apa yang kita katakan pemilihan secara langsung - direct election. Kita tak lagi bergantung kepada 2,600 perwakilan yang datang ke Kuala Lumpur untuk mengundi kepimpinan parti dari atas sampai ke peringkat Majlis Tertinggi tapi kita buat pemilihan melalui penyertaan akar umbi 160,000 ahli terlibat dalam proses tersebut.

Namun saya akui perubahan dari segi nilai dan budaya perlu makan masa untuk kita membuat perubahan yang lebih mencerminkan apa yang kita patut lakukan dalam konteks persekitaran politik yang baharu. Maknanya yang saya tekankan ialah kita mesti jadi pengamal 'new politic' bukan pengamal the 'old politic'. Ini saya akui memakan masa sebab mengubah mindset manusia tentu sekali makan masa.

Soalan: Macam Datuk Seri memperkenalkan cara pemilihan, sudah tentu ia bertujuan mengelakkan politik wang. Tapi apakah mereka bersedia berubah dari segi minda dan budaya mereka, sanggup transform daripada dulu sanggup beri sogokan untuk dapat sokongan? Tidak lagi berbuat demikian selepas Datuk Seri memperkenalkan cara pemilihan baharu?

Najib: Belum sepenuhnya. Saya akui belum sepenuhnya lagi tapi ini satu...saya anggap ini sebagai satu perjalanan. Ini mungkin fasa pertama. Lepas ni perlu melihat apakah kaedah yang lebih baik dan bagaimana nak ubah mindset atau sikap dan nilai manusia dan pemimpin-pemimpin dalam konteks di peringkat akar umbi.

Mereka begitu setia pada parti, mereka berkhidmat untuk parti. Tapi saya harap soal pemilihan parti kita menjunjung nilai-nilai yang murni dalam pemilihan.

Soalan: Ada tak nampak perubahan ke arah lebih baik Datuk Seri?

Najib: Ada beberapa aspek nampak lebih baik, tapi ada aspek yang kita perluterus lakukan penambahbaikan.

Soalan: Satu lagi Datuk Seri, mengenai peremajaan parti. Remajakan parti tidak semestinya bermaksud orang lebih muda masuk, tapi dalam Bahasa Inggeris rejuvenate the party. Pada pilihan raya lepas kita lihat ada lonjakan kerusi bagi pihak Umno sedangkan untuk rakan-rakan lain kurang mendapat sokongan. Apakah reformasi atau transformasi yang dilakukan itu memberi kesan kepada Umno dalam pilihan raya lepas?

Najib: Sedikit sebanyak sokongan yang bertambah kepada Umno menunjukkan perubahan yang kita lakukan mendapat sambutan dalam kalangan rakyat tapi sokongan kepada Umno di kawasan bandar/urban tidak begitu memuaskan lagi.

Jadi langkah kita ke hadapan ialah untuk terus mempertahankan Umno, kekuatan kita, teras kita di kawasan luar bandar. Tetapi di samping itu kita perlu dilihat sebagai parti yang ada sokongan yang semakin bertambah di kawasan bandar termasuk bandar utama.

Soalan: Proses peremajaan Umno itu sendiri, bagaimana Datuk Seri lihat dah berjaya atau tidak?

Najib: Belum lagi. Saya lihat ini sebagai satu proses. Tak mungkin dalam tempoh masa satu penggal saja atau kurang daripada satu penggal, kita boleh melakukan proses peremajaan dalam Umno. Tapi ini bagai satu perjalanan, di mana proses ini mesti berterusan.

Jadi, dalam satu penggal ada penggantian dengan pemimpin-pemimpin lebih muda dan baharu dan selanjutnya proses ini akan kita teruskan dan kita perlu mengenal pasti bakat/talent baharu yang boleh kita ketengahkan. Ini mesti merupakan proses yang terancang, bukan proses yang berlaku dengan sendirinya.

Mesti ada usaha yang tersusun supaya Umno dilihat sebagai sebuah parti yang memang mengiktiraf kepimpinan baharu, intelektual, profesional dan mereka yang mencerminkan, apa yang selalu kita sebutkan, Gen-Y. Kita pun kena merupakan sebuah parti yang sentiasa dapat melakukan proses pembaharuan ini.

Soalan: Dalam pemilihan yang baru lepas, ada pihak mengatakan tidak banyak

perubahan dari segi muka-muka baharu. Adakah ini suatu yang positif atau negatif kepada Datuk Seri?

Najib: Saya melihat bahawa kita tak boleh melakukan sesuatu yang begitu mengejutkan tapi kita mesti melakukan 'continuity' dan pembaharuan. Dua unsur ini perlu kita lakukan secara serentak.

Maknanya ada pemimpin-pemimpin yang perlu kekal sebab khidmat mereka masih diperlukan. Ada juga pemimpin baharu yang kita ketengahkan, kita naikkan kedudukan mereka dalam kerajaan, dalam parti di mana sumbangan mereka akan lebih meluas lagi. Jadi saya lihat kedua-dua unsur ini perlu berjalan serentak.

Soalan: Di peringkat akar umbi, bahagian dan cawangan, kelihatan seperti orang-orang itu juga masih menjadi ketua bahagian. Jadi di mana peremajaan itu boleh berlaku kalau mereka masih mahu bertahan walaupun sudah memegang jawatan selama empat, lima penggal?

Najib: Umno merupakan parti demokratik. Jadi hakikatnya kita cuma boleh menggambarkan prinsipnya tapi pada akhirnya terpulang kepada ahli Umno itu sendiri yang memilih. Tak semestinya mereka kekalkan (semua) pemimpin sedia ada...dan mungkin juga mereka tolak semua. Jadi kalau pemimpin lama masih boleh berkhidmat dan beri sumbangan dan dapat sokongan daripada ahli, mereka akan kekal sebagai pemimpin.

Sebaliknya, banyak juga bahagian, lebih kurang 35 peratus ada perubahan kepimpinan dari segi ketua bahagian. Saya lihat ini satu perubahan yang menggalakkan. Kalau 1/3 berlaku perubahan, mungkin pemilihan akan datang 1/3 lagi akan berlaku perubahan di bahagian-bahagian, yang belum berlaku perubahan dalam pemilihan yang baru berlangsung.

Soalan: Saya nak minta pandangan Datuk Seri sebagai presiden parti. Umno memang tak dapat dinafikan parti tertua yang memerintah malah di dunia. Umno telah banyak berjasa kepada bukan saja orang Melayu, tapi seluruh bangsa di Malaysia. Umno di bawah Datuk Seri mempunyai pelbagai rancangan yang cantik... transformasi, nak bawa negara ke tahap berpendapatan tinggi. Tapi dalam masa sama dikatakan seperti seorang tua yang tidak dihormati oleh golongan muda. Dikatakan terlalu lama memerintah, ketinggalan zaman. Jadi sebagai presiden, tidakkah Datuk Seri merasa kecil hati atau jauh hati sedangkan Datuk Seri beria-ia memimpin negara ke arah yang dijanjikan?

Najib: Pendapat itu mencerminkan keterbukaan dalam masyarakat kita. Sebab masyarakat kita lebih terbuka hari ini berbanding masa-masa lalu. Dan peranan media sosial begitu meluas. Tak pernah pada peringkat yang kita lihat pada hari ini.

Jadi kepelbagaian pendapat ini semakin rancak dalam masyarakat kita. Kita mesti akui kita menjurus kepada masyarakat demokratik yang lebih matang. Lebih matang masyarakat kita, lebih kepelbagaian pendapat.

Dari satu segi boleh lihat ini satu perkembangan sihat. Dari satu segi kita sebagai pemimpin kena banyak bersabar. Orang kata apa pun kena terima hakikat bahawa tak ada satu aliran pendapat berbanding dengan masa-masa lalu.

Kepelbagaian merupakan sesuatu yang boleh dikatakan kelaziman dalam masyarakat yang semakin terbuka, yang semakin matang, semakin terdidik.

Dan ini satu hakikat yang kita terpaksa terima dalam mana-mana negara, kita lihat perbezaan pendapat dan kritikan itu perkara biasa. Yang penting sekali ialah majoriti. Apakah majoriti menyokong Umno? Jadi kalau majoriti dalam kalangan yang muda tak sokong Umno, tak mungkin dapat pertambahan kerusi dalam pilihan raya lalu.

Tapi yang menentang kita, yang tak terima Umno, pun bilangannya agak besar juga. Yang penting adalah majoriti masih bersama-sama Umno.

Soalan: Jadi maksudnya suara-suara yang menentang ini tak semestinya bermaksud Umno tak bersatu-padu atau lemah? Ini satu demokrasi yang sihat?

Najib: Ini satu tanda keadaan zaman hari ini dah berubah dan kita tak boleh nak menutup apa yang berlaku sekarang ini sebab masyarakat kita ini terbuka kepada unsur-unsur globalisasi umpamanya, teknologi, soal kejayaan dalam mendidik anakbangsa. Saya anggap ini kesan-kesan daripada success story Umno memimpin negarakita.

Soalan: Tidakkah kebebasan yang terlalu luas ini boleh menyimpang mereka daripada menghargai perjuangan atau bakti budi Umno kepada mereka?

Najib: Saya terima kalau ada perbezaan pendapat tapi sebagai perdana menteri saya pentingkan keamanan dan keharmonian dalam negara. Sebab itu kita ada kebebasan tapi ada hadnya.

Bukan kebebasan mutlak yang tak ada had peraturan undang-undang sebab ia akan bawa kepada huru-hara. Anarki. Tentu kita tak mahu anarki, kita nak masyarakat yang toleran dari segi perbezaan pendapat. Masyarakat yang terima prinsip demokrasi.

Walaupun ada perbezaan pendapat tapi pendapat majoriti akhirnya akan menentukansiapa yang berkuasa. Kalau ada pihak berniat nak membawa kepada pergaduhan, ketidakstabilan dalam negara maka mereka kena hadapi tindakan dari segi undang-undang.

Soalan: Datuk Seri sebut tentang kesabaran. Secara individu adakah Datuk Seri seorang yang sabar?

Najib: Saya sebagai individu, saya kena terima bahawa kita dalam demokrasi yang terbuka. Hakikatnya perbezaan pendapat itu akan jadi satu kelaziman. Kita lihat saja dalam negara-negara yang amal demokrasi lebih lama daripada kita, memang itu perkara yang boleh dikatakan biasa bagi mereka.

Soalan: Orang menganggap kesabaran Datuk Seri sebagai satu kelemahan untuk bertindak.

Najib: Tidak...tidak. Saya tak anggap itu kelemahan. Kalau kita tanya apakah mereka mahu satu keadaan di mana ada saja yang mengeluarkan pendapat kita tangkap di bawah ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri). Apakah itu yang kita nak? Tentu sekali majoriti rakyat Malaysia tak mahu keadaan sedemikian.

Mereka mahu kita merupakan masyarakat yang ada latitude/ruang untuk keluaran pendapat walaupun kontra/berbeza. Tapi jangan sampai membawa kemudaratan kepada negara. Ini yang saya nak tekankan.

ISA

Soalan: Ada pihak dalam Umno sendiri merasakan seolah-olah Datuk Seri ini terlalu penyabar. Tahap toleransi lebih tinggi barang kali. Mereka kata tangkap saja, bimbang kalau dibiarkan jadi benda yang tak elok. Tapi Datuk Seri kata politik dah berubah, orang lebih demokratik, pendidikan lebih tinggi. Sejauh mana toleransi ini boleh diberikan?

Najib: Saya percaya majoriti rakyat Malaysia mahu ruang lebih luas dalam

'discourse' politik tanah air. Mereka tak mahu pendapat mereka terkongkong, mereka tak nak hidup dalam keadaan ketakutan. Kalau kita buat penilaian, tak semua nak balik kepada zaman ISA.

Jadi saya lihat ini sebagai satu perkembangan positif. Walaupun ada suara-suara yang nak kita kembali ke zaman ISA tapi kita ada kuasa yang cukup untuk bertindak terhadap sesiapa yang cuba merosakkan keamanan dan keharmonian negara.

Ada yang kita ambil tindakan di bawah Sosma, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Mereka yang tunjuk keinginan lakukan keganasan, kita boleh ambil tindakan di bawah Sosma.

Kita juga masih ada lagi Akta Hasutan di mana kalau cuba sentuh perkara sensitif yang boleh membawa pergaduhan dalam negara kita, menghasut dan sebagainya, tindakan undang-undang boleh diambil tapi mesti berasaskan kepada prinsip undang-undang.

Kita memang ambil tindakan berdasarkan undang-undang negara tapi bukanlah dengan cara tangkap ikut rasa marah kepada mana-mana individu kita tangkap bawah ISA. Saya percaya kalau buat macam itu lagi ramai orang marah pada kerajaan.

Kita perlu lihat di negara-negara Timur Tengah mereka ada undang-undang yang lebih keras daripada kita tapi apa yang berlaku? Rakyat marah sampai rejim-rejim itu jatuh pada akhirnya.

Soalan: Tidakkah nanti kesabaran atau toleransi itu memberi gambaran bahawa Datuk Seri bukan seorang yang tegas dan boleh mengakibatkan sokongan orang Melayu kepada Umno itu merosot?

Najib: Tidak...Sokongan pada Umno itu bertambah kuat (masa) 'election' yang lalu. Hakikatnya kita telah membuktikan sokongan kepada Umno itu bertambah. Tapi kita mesti faham bahawa kalau sebaliknya kita ambil tindakan ikut cara dulu, apakah sokongan kita akan berkekalan atau sebaliknya orang semakin marah kepada kerajaan. Ini yang kita mesti menilai.

Soalan: Orang mengaitkan pemansuhan ISA kepada keterbukaan. Apakah kalau ISA tiada orang akan terbuka...hentam Raja, hentam agama. Bagaimana pandangan Datuk Seri? Najib: Kita kena pilih apa corak masyarakat yang kita

kehendaki. Sebagai sebuah kerajaan tentu kita kena mengambil pendapat majoriti. Kita tak boleh ambil pendapat sekumpulan saja.

Jadi saya nak tahu apa pendapat majoriti rakyat Malaysia. Apakah kita nak sebuah masyarakat di mana ada ruang kita berbicara politik walaupun ada perbezaan pendapat, atau kita nak satu masyarakat di mana kita ada kuasa mutlak, tak boleh dipersoalkan oleh sesiapa. Kita nak tangkap orang, kita boleh tangkap.

Apakah itu yang kita kehendaki? Kita minta rakyat tunjuk jenis corak mana masyarakat yang kita perlukan. Sebagai pemimpin saya bersedia lakukan apa saja yang saya fikirkan terbaik dan saya juga kena menilai penerimaan masyarakat kita. Tapi apa yang saya dan kerajaan lakukan hari ini, pada pendapat saya adalah yang terbaik untuk negara kita.

Soalan: Dalam kepelbagaian pendapat ini, Datuk Seri ada Facebook, Twitter dandalam itu ada juga yang kutuk/ tegur Datuk Seri. Bila melihat itu, apa yang Datuk Seri buat terutama mengenai komen yang negatif?

Najib: Tak ada apa-apa reaksi. Saya tolak itu semua. Kalau cakap karut marut, mencaci, mengutuk, saya anggap mereka itu lunatic fringe atau orang ni yang tak ada adab, atau tak rasional.

Ada yang kritik secara rasional...kalau kritik secara rasional dan beradab saya terima. Saya cuba nilai kritikan itu ada asas atau tidak. Inilah masyarakat yang kita kehendaki.

Maknanya kita berani terima teguran asalkan dibuat dengan cara ada adabnya. Dan kita mesti dengan segala rasa tawaduk, 'humility' menganggap diri kita bukan tahu segala-galanya. Saya dah kata era kerajaan tahu segala-galanya dah berakhir.

Maknanya kita terima...kalau pendapat rakyat itu baik, dan ada asasnya. Kerajaan sedia pertimbangkan. Inilah keterbukaan zaman sekarang, ini yang saya rasa dikehendaki masyarakat kita.

Sebab kita jangan lupa kita nak menuju sebuah negara maju. Semua orang kata kita nak Malaysia sebagai negara maju. Adakah cara dulu itu sesuai dengan ciri dan nilai sebuah negara maju? Ini yang saya nak tanya.

Soalan: Selepas 2008 kita lihat percambahan NGO Melayu yang bercorak politikal. Mereka seolah-olah tak mahu menyuarakan kepentingan/hasrat orang Melayu melalui Umno dan mereka antara yang mahu ISA dikembalikan. Macam mana nak 'reconcile' dengan golongan ini.

Najib: Kita mesti faham dalam masyarakat kita ada pelbagai pendapat. Soalannya sama ada suara dia mencerminkan suara majoriti atau tidak. Atau suara sekelompok dalam masyarakat. Inilah yang mesti kita nilai.

Soalan: Tentang pengkaderan. Adakah proses ini berlaku dan adakah Umno masih berusaha bentuk pemimpin baharu?

Najib: Kita sedang berusaha mencari. Pertama saya nak supaya Umno beri ruang kepada pemimpin baharu supaya mereka tak rasa kalau masuk dalam Umno menyusahkan dia, dia terpaksa bekerja di peringkat akar umbi. Sebab sesetengah orang profesional ini dia tak nak terlibat dalam proses di peringkat cawangan dan sebagainya.

Ini yang kita perlu beri ruang. Kalau nak lantik sebagai ahli jawatankuasa tambahan, katalah ada 10 ahli jawatankuasa tambahan yang boleh dilantik, apa salahnya kita lantik tiga, empat orang dari kalangan profesional termasuk dari latar belakang ulama, lawyer, doktor supaya dalam jawatankuasa ini kita mencerminkan komposisi masyarakat secara keseluruhan tanpa mengetepikan pemimpin-pemimpin akar umbi.

Soalan: Saya nak minta Datuk Seri simpulkan, kita sambut Hari Raya sebab merayakan kejayaan berpuasa. Jadi 68 tahun Umno apakah yang dirayakan? Perpaduan, keutuhan atau kepelbagaian dalam Umno secara khusus?

Najib: Kita boleh merayakan sebuah parti yang paling berjaya dalam sistem demokrasi yang terbuka dalam sejarah peradaban manusia. Ini satu keunggulan pada Umno. Waima kita kata tak ada siapa boleh nafikan hakikat kita parti bukan saja parti tertua tapi parti paling berjaya.

BN

Soalan: Umno tak boleh berdiri sendiri. Umno menang kerusi lebih banyak. Tapi sementara Umno naik, rakan-rakan BN menurun. Ada tak formula supaya mereka boleh sama-sama naik?

Najib: Ini yang sedang kita fikirkan. Mungkin satu langkah yang boleh kita lakukan ialah supaya kita muncul sebagai Barisan Nasional lebih lagi dari segi program dan aktiviti kita. Tak ada lah Umno dengan Umno, MCA dengan MCA, MIC dengan MIC.

Kita perlu kongsi satu platform di mana kita bersama-sama supaya dilihat inilah BN yang sebenarnya. Bukan MCA, MIC, Umno berasingan. Ini merupakan satu model politik baharu kita boleh fikirkan ke hadapan. Sebab nasib rakan-rakan dalam BN kena fikir juga supaya dapat tambah kekuatan kita secara keseluruhan.

Soalan: Apa nasihat Datuk Seri kepada pemimpin masyarakat Cina. Apakah perlu kerja lebih keras lagi seperti PRK Kajang. Apa formula terbaik menangi hati pengundi Cina?

Najib: Mereka (MCA) tak boleh rasa kecewa. Mesti teruskan usaha untuk yakinkan masyarakat kaum Cina. Kedua, mereka kena tambah 'engagement' mereka dengan kaum Cina.

Jelaskan kepada mereka dan di samping itu dengar rintihan dan keluhan kenapa tak sokong kerajaan dan cuba beri jawapan kepada keadaan sebenar supaya tak keliru dengan hasutan atau dakwaan daripada parti pembangkang.

Tapi apa penjelasan kita sebagai wakil kerajaan boleh juga kita terangkan. Mudah-mudahan kekusutan dapat dirungkai melalui engagement dengan pengundi dan masyarakat yang mewakili kaum Cina.

Soalan: Apakah kemasukan MCA dalam kabinet akan membantu ke arah itu?

Najib: Saya lihat memang MCA perlu sebab dasar-dasar negara kita kalau tak ada input daripada wakil kaum Cina, bila jumpa masyarakat kaum Cina, nampak mereka tak boleh war-warkan mereka sebahagian daripada kumpulan yang menggubal dasar-dasar dan keputusan-keputusan negara.

Soalan: Setahun selepas pilihan raya. Apa analisis awal Datuk Seri mengenai kekuatan parti komponen seperti MCA, Gerakan dan MIC?

Najib: Ada sikit peningkatan tapi banyak lagi perlu diusahakan sampaikan kita boleh kata proses pemulihan itu selesai. Belum lagi selesai. Maknanya kita ada tempoh - PRU akan datang. Apa-apa pun mesti faham kita ada time limit dan

mesti berusaha sedaya upaya.

## PENTADBIRAN NAJIB

Soalan: Parti Datuk Seri (Umno), naik jumlah kerusi, tapi BN tetap tidak mendapat mandat 2/3. Dalam pada itu, Datuk Seri menghadapi era keterbukaan; kepelbagaian pendapat; cabaran membawa negara ke tahap negara maju...terlalu banyak masalah...kita lihat. Kalau saya, tak sanggup jadi perdana menteri. Bagaimanakah dengan keadaan ini Datuk Seri boleh tahan?

Najib: Saya lihat kalau kita terima hakikat bahawa dalam demokrasi yang terbuka, apabila kita memiliki dalam 60 peratus daripada bilangan kerusi itu sudah cukup kuat.

Umpamanya di UK, kerajaan Konservatif tak dapat majoriti overall, dia terpaksa berkongsi dengan Liberal baru dia boleh tubuh kerajaan, tetapi dia masih mampu mentadbir negara dia. Jadi kalau kita punya mindset tidak terlalu terikat dengan faktor 2/3 itu, seolah-olah 2/3 itu kayu pengukur yang muktamad.

Tapi kalau kita tidak ada perangkap 'mental block' tersebut saya percaya majoriti yang kita ada ini, kita boleh mentadbir negara kita sebab yang cuma kita tak boleh lakukan adalah perubahan perlembagaan sahaja.

Tetapi apa juga dasar dan rang undang-undang kita nak buat, memang kita boleh buat dan kita telah buktikan pun segala-galanya boleh diluluskan oleh Parlimen dengan majoriti yang selesa.

Jadi ia tidak menggugat kewibawaan pentadbiran kita. Ia masih boleh kita lakukandengan licin, cuma ia satu 'mental block' saja pada kita. Jadi saya harap kitasemua akan beri tumpuan kepada kerja-kerja untuk membangunkan negara kita.

Soalan: Dari mana datangnya keberanian itu, adakah daripada ahli pemimpin Umno, atau pejuang-pejuang Umno terdahulu atau rakan-rakan dalam kabinet?

Najib: Saya tak rasa tergugat. Saya rasa saya dapat mandat daripada rakyat melalui proses demokrasi yang sihat, yang lebih terbuka dalam sejarah tanah air kita.

Maknanya saya rasa ini satu amanah yang perlu saya pikul dan saya beriltizam

melakukan dengan penuh semangat dengan bersungguh dan saya hendak serah kepada rakyat menilai bila sampai masanya. Jadi saya tidak rasa gusar, saya akan tetap menjalankan pentadbiran dan kepimpinan mengikut apa yang saya fikirkan terbaik untuk negara.

Soalan: Masa penggal pertama Datuk Seri ambil alih tampuk pemerintahan negara, pentadbiran Datuk Seri nampak banyak (dasar dan program baharu), 1Malaysia, GTP, ETP...tapi bila masuk penggal kedua ini banyak pihak rasa tak nampak hala tuju ke mana Datuk Seri nak bawa negara ini. Apa komen Datuk Seri?

Najib: Mereka tidak faham...yang pertamanya bila saya meluahkan Gagasan 1Malaysia, ia bukan soal pilihan raya. Ia soal 'nation building', membina sebuah negara bangsa. Jadi tentu kita nak bina sebuah negara bangsa, takkanlah setiap penggal saya nak keluarkan satu gagasan baharu, apa orang kata ini baru empat tahun, apa dah jadi pada Gagasan 1Malaysia.

Soal transformasi, kita dah kata ini menjangkau hingga 2020. Takkan sampai 2014, saya nak kata Wawasan 2020 dah tak ada lagi.

Jadi maknanya dengan komitmen dan sokongan yang diberikan kepada saya dalam penggal kedua ini saya akan teruskan sehingga Wawasan 2020 tercapai, sehingga hasrat kita menjadi negara maju jadi kenyataan. Lepas tahun 2020 barulah kita gantikan dengan visi yang baharu.

Apa makna visi...visi menjangkau satu jangka masa yang panjang. Jadi takkanlah dalam tempoh empat tahun kita dah nak ganti dengan visi yang baharu, ini satu pertimbangan yang tidak rasional.

Soalan: Datuk Seri, saya melihat keadaan sekarang ini seperti nasi yang sedang ditanak, belum masak lagi tapi dah ada yang kata mentah, tak menjadi. Yang diperlukan ialah masa, berapa banyak masa yang diperlukan Datuk Seri? 2020 kah?

Najib: Saya ambil alih tampuk kepimpinan negara pada 2009. Apa janji saya, janji saya pada rakyat ialah untuk membawa negara jadi negara maju pada 2020. Jadi kita baru di tahun 2014. Bagi saya tempoh masa untuk kita membuktikan bahawa apa yang telah kita janji pada rakyat dapat kita penuhi.

Kita masih lagi dalam tempoh menghala ke tahun 2020, banyak lagi yang perlu

kita lakukan, dan banyak pun yang telah kita capai tetapi banyak lagi yang kita perlulakukan.

Dan kita boleh lihat dari segi ekonomi umpamanya, pencapaian kita boleh dikatakan baik dalam suasana yang tidak menentu. Kita telah capai kadar pertumbuhan yang amat memuaskan 4.7 peratus dan tahun ini insya-Allah kita mungkin boleh dapat tinggi sikit dari itu.

## EKONOMI

Soalan : Masalah tak faham ini, saya lihat dalam soal GST pun tak difahami, apa masalahnya?

Najib: Mereka tak faham, mereka ingat ini satu percukaian yang baharu. Jadi maknanya satu tambahan beban kepada mereka. Semua orang tak suka pada cukai, jadi bila pembangkang kata bahawa ini satu percukaian yang baharu, semua naik takut, dan secara automatik mereka kata mereka tidak sokong GST walhal GST ini menggantikan percukaian jualan dan perkhidmatan sekarang dan ia satu sistem percukaian yang ganti cukai sedia ada.

Kedua; mereka tak faham, kita dah kata banyak barang-barang keperluan dikecualikan, zero rated. Jadi tugas sekarang ialah kita kena senaraikanlah jenis-jenis barang tersebut.

Kebanyakan rakyat dia tak tahu pasal konsolidasi fiskal, dia tak nak tahu pasaldefisit negara. Dia nak tahu (harga) nasi lemak dia berapa. Dulu berapa, lepasGST (berapa). Susu bayi macam mana, dulu sebelum dan selepas GST.

Jadi kalau kita boleh huraikan berapa harga sekarang dan lepas GST, jadi rakyat boleh nampaklah GST itu sebenarnya tidak membebankan rakyat.

Walaupun saya tidak dapat nafikan kalau kadar inflasi, mungkin ada sedikit peningkatan, tetapi peningkatan itu untuk tahun pertama pelaksanaan GST, lepas itu ia akan balik pada kadar yang biasa.

Soalan: Dalam TV kita sebut apa itu GST, surat khabar, media elektronik, media baharu, tapi bila balik kampung orang akan tanya, "saya akan kena ke GST?", pada hal kita dah sebut ikan tak naik, harga tepung, harga minyak masak takkan naik. Tapi kenapa mereka takut dengan perkataan GST?

Najib: Sebab ada orang yang memomok pada mereka bahawa ini satu beban kepada rakyat, satu cukai tambahan kepada rakyat dan sebagainya.

Jadi kita kena teruskan, tingkatkan penjelasan kita dan juga keberkesanan penjelasan kita kepada rakyat. Saya lihat sekali dia dengar, dia tak akan faham lagi, kena banyak kali. Rupanya dia kena dengar sesuatu mesej itu banyak kali baru dia faham.

Soalan : Betul ke Datuk Seri, orang kata kerajaan buat GST ni kerana kerajaan tak ada duit, dan bila dah ada duit nanti akan bolehkan kerajaan boros berbelanja?

Najib: Ini bukan soal kerajaan tak ada duit. Ini ialah untuk menstabilkan punca hasil untuk negara. Jadi bila punca hasil kita bertambah, kita dapat mengurangkan defisit negara, penarafan Malaysia akan bertambah dan kita ada kemampuan yang lebih untuk melaksanakan pelbagai projek dan perkhidmatan kepada rakyat.

Kedua, kita boleh jaga juga kebajikan penjawat-penjawat awam dan sebagainya sebab ini semua bergantung kepada punca hasil kita. Hasil kita ini terlalu kecil berbanding dengan jumlah orang yang bekerja.

Dan jangan lupa ada juga orang tak membayar cukai yang dikatakan 'the black economy' ini, siapa yang terlibat dalam black economy. Maknanya sesiapa sahaja yang terlibat dalam apa-apa jenis kegiatan, dia akan terpaksa membayar cukai, tapi cukai ini adil.

Orang yang makan gaji tak dapat mengelak, tapi banyak orang yang buat urusan-urusan perniagaan dan perkhidmatan lain mungkin dapat mengelak daripada membayar cukai ataupun tak bayar cukai sepenuhnya.

Soalan: Masa kempen pilihan raya umum lepas, Datuk Seri sering melaungkan slogan 'Rakyat Didahulukan'. Tetapi ada gambaran, lepas menang Datuk Seri laksana dasarrasionalisasi subsidi, yang dikatakan membebankan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah.

Najib: Tidak...rasionalisasi subsidi ini sesuatu yang perlu kita lakukan sebab banyak ketirisan dan pembaziran, misalnya kalau harga minyak yang kita subsidi terlalu tinggi sampai RM23 bilion setahun, banyak ketirisan di situ, banyak orang yang tak sepatutnya (dapat), orang kaya dapat faedah dan sebagainya.

Jadi kita ganti dengan bantuan subsidi secara bersasar (direct subsidy), sebab itu kita naikkan bantuan BR1M. Bantuan BR1M ini sebenarnya mengimbangi, bila kita naikkan harga minyak. Jadi inilah cara yang kita lakukan. Maknanya bukan subsidi pukal. Kita kurangkan subsidi pukal, tetapi kita bantu rakyat yang layak dan patut dapat melalui subsidi bersasar.

Soalan: Datuk Seri, pembangkang kata ketirisan itu di pihak kerajaan, kalau boleh dikurangkan ketirisan dan pembaziran di pihak kerajaan, tidak perlu dikurangkan subsidi?

Najib: Kita memang perketatkan. Maknanya Laporan Audit Negara kita ambil tindakan yang serius. Saya dah minta ketua setiausaha negara untuk umumkan apa tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap penyelewengan yang berlaku dan sebagainya.

Pembelian kerajaan sekarang ini hampir semua kita buat secara tender. Tak ada direct nego, tapi melalui tender sama ada tender terbuka atau tender terhad, dan kita menilai sesuatu itu supaya harga yang dibeli oleh kerajaan itu harga berpatutan. Maknanya kita lebih berhati-hati dalam soal pembelian kerajaan.

Soalan: Datuk Seri dikatakan tidak memperjuangkan Bumiputera, tiba-tiba Datuk Seri memperkenalkan dasar memperkasakan Bumiputera. Bagaimana setakat ini usaha itu?

Najib: Usaha itu berjalan dengan baik, macam-macam program kita buat untuk Bumiputera. Kita ada Majlis Pemerksaan Bumiputera, tiap-tiap bulan kita mesyuarat sekarang ini, dan ucapan saya tahun sudah di Shah Alam itu kita sedang laksanakan, umpama kita tambah peruntukan untuk bantuan pendidikan Mara sebanyak RM500 juta, kita telah melancarkan Skim Superb, kumpulan pertama telah pun dianugerah bantuan kerajaan, kita lancarkan ASB2, jadi semua yang kita telah janjikan, kita tunaikan.

Soalan: Adakah kerajaan ada alternatif lain jika tidak melaksanakan GST, alternatif lain yang mampu meningkatkan hasil dan kemampuan negara?

Najib: Soal GST kita sudah fikir lama...bukan hanya di zaman saya...zaman dulu lagi. 160 buah negara di dunia dah melaksanakan GST, dan kalau begitu maknanya GST lah pilihan jumlah negara yang terbesar di dunia daripada sistem lain. Maknanya sistem GST lah yang paling telus, progresif dan memberi hasil

yang bertambah pada negara.

## HUBUNGAN ANTARABANGSA

Soalan: Datuk Seri, baru-baru ini lawatan Presiden Obama ke Malaysia banyak hasil yang tercapai dan tak lama lagi dengarnya Datuk Seri akan ke China pula. Dalam konstelasi (constellation) (kumpulan) politik antarabangsa, dilihat Malaysia digemari kedua-dua negara kuasa besar ini, banyak faedah yang diperolehi, tetapi banyak juga yang kata Malaysia seolah-olah dikawal oleh negara-negara besar ini.

Najib: Tidak. Kita sebagai sebuah negara kita ada prinsip kita, dasar luar kita adalah berdasarkan prinsip. Prinsip kita ialah untuk berbuat baik dengan semua negara berdasar kepada pertimbangan apa yang kita fikirkan patut. Kita bukan negara pak turut, tak pernah, kita ada pendirian kita yang bebas.

Misalnya dalam soal hal rakyat Palestin, kita terus perjuangkan rakyat Palestin. Itu saya beritahu kepada Presiden Obama dan dia tahu pendirian kita.

Dalam hal ini kita tak ada kompromi tentang apa yang kita hendak perjuangkan keadilan dan hak rakyat Palestin, kita teruskan.

Tetapi ini tidak bermakna kita tidak boleh ada hubungan strategik dengan Amerika Syarikat.

Soalan: Pendirian Malaysia tentang TPPA itu tetap yang sama?

Najib: Kita mesti sedar bahawa Malaysia ini sebuah negara berdagang yang besar. Nilai dagangan kita 'total trade' 167 peratus berbanding dengan GDP kita, meletakkan Malaysia antara negara yang tertinggi di dunia.

Maknanya kalau kita sebahagian daripada rejim perdagangan bebas, menguntungkan negara kita. Kita dapat akses kepada market, mereka yang hendak melabur di Malaysia pun melihat Malaysia ada kelebihan kerana mereka akan suka untuk melabur dalam negara yang ada akses kepada market yang lebih luas.

Dia boleh eksport dari Malaysia tanpa dikenakan tarif, ataupun tarif yang rendah, jadi kita ada kelebihan. Sekarang ini ada 12 negara yang terlibat dalam TPPA, tapi mungkin bertambah kepada 20.

Kalau Malaysia terkeluar daripada TPPA, apa implikasinya? Mesti ada kosnya. Kita tidak nampak hari ini kosnya, sebab itu kita perlu menilai penyediaan TPPA kita secara keseluruhan. Di samping kita kena pastikan juga bahawa kita tidak menandatangani sesuatu yang boleh menjejaskan kepentingan kita.

Saya tidak kata kita boleh untung semua, tetapi asalkan keuntungan kita itu melebihi apa yang mungkin kita terpaksa lepaskan, asalkan keseluruhannya lebih baik untuk kita.

Soalan: Akhirnya saya hendak minta Datuk Seri menyampaikan kepada rakyat menerusi rancangan Bernama ini apa yang Datuk Seri harapkan daripada rakyat.

Najib: Saya harap mereka memberi peluang kepada kita, maknanya kerajaan yang menerima mandat daripada rakyat. Kita ada mandat untuk tempoh lima tahun, supaya rakyat memberi peluang kepada kerajaan mentadbir negara kita tanpa menimbulkan banyak masalah.

Terima Kasih Datuk Seri.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037272>